

Etnik Cina wajib kuasai bahasa Melayu

B/A 28/3/12 MS 20

Terlalu utamakan Mandarin gugat usaha bentuk negara bangsa Malaysia

Teo Kok Seong



KINI lebih 90 peratus kaum Cina Malaysia terdiri daripada kelompok yang hanya boleh berbahasa Mandarin. Mereka ini tidak fasih dalam bahasa lain, termasuk bahasa Melayu, iaitu bahasa negara ini. Malah ramai juga yang langsung tidak boleh berbahasa Melayu, walaupun dalam bentuk bahasa pasar.

Jumlah kelompok Cina yang berbahasa Mandarin saja kian meningkat. Sekitar 95 peratus ibu bapa Cina menghantar anak mereka ke sekolah aliran Cina. Kelompok ini didapati bersandar kuat kepada tiga tonggak sosiobudaya Cina, yang pada pandangan mereka, bukan saja boleh menegak jati diri etnik Cina, tetapi yang lebih penting lagi melestarikan warisan budaya Cina.

Tiga tonggak itu ialah pendidikan, media dan persatuan Cina. Melalui ini, mereka didapati tidak mahu bersikap terbuka langsung kepada perspektif yang lebih bersifat Malaysia, yang memerlukan pendukung simbol dan proses sosiobudaya Melayu. Sebaliknya, sikap yang diperlihatkan itu bersifat eksklusif Cina.

Untuk bidang pendidikan, mereka ini berpegang teguh kepada Perlembagaan Persekutuan selain Akta Pendidikan 1996, yang menjamin hak kaum bukan Melayu dalam menggunakan bahasa etnik sebagai bahasa pengantar. Sering kali hak ini tidak mendapat kompromi langsung, walaupun dalam kadar kecil untuk tujuan integrasi yang lebih besar.

Hal ini dapat dilihat pada penolakan mereka terhadap penggunaan bahasa Melayu sebagai perantara penyampaian Malaysia Ne-

garaku, mata pelajaran kenegaraan. Ia dicadangkan diajar hanya sekali seminggu dan selama 30 minit, kepada semua pelajar Tahun Satu di seluruh negara mulai 2011. Pelbagai alasan yang diberikan itu jelas memperlihatkan bahawa mereka khuatir bahawa ini satu cara halus untuk menghakis jati diri etnik Cina.

Sikap kemaruk terhadap bahasa Mandarin yang dilihat dengan taksubnya sebagai lambang jati diri etnik Cina, tanpa banyak memikirkan hasrat murni untuk membentuk negara bangsa Malaysia, sesungguhnya adalah penghalang besar kepada pelbagai usaha integrasi dalam bidang pendidikan negara. Mereka didapati bukan saja mengamalkan ekstremisme etnik, tetapi lebih serius lagi tidak mahu berintegrasi untuk mempermerkan jati diri kebangsaan.

Krisis kekurangan guru di sekolah aliran Cina yang didakwa



Dengan penguasaan bahasa negara yang tidak baik dan tiada langsung ini, mereka yang hanya bertutur dan membaca dalam bahasa Mandarin, didapati tidak boleh bergaul dengan baik dan meluas dengan kaum Melayu khususnya, selaku kaum dominan, dan juga dengan yang lain-lain



sudah berlarutan selama 40 tahun, sebetulnya boleh diatasi dengan mudah pada peringkat awalnya lagi. Sebaliknya, ia dikusutkan lagi dengan pelbagai syarat yang dikenakan kepada guru yang mengajar di sekolah aliran Cina. Antaranya ialah kelulusan wajib mata pelajaran Bahasa Mandarin pada tahap Sijil Pelajaran Malaysia.

Syarat ini sudah tentu bukan saja tidak melayakkan guru bukan Cina, malah guru berbangsa Cina sendiri. Dengan ini, guru di sekolah aliran Cina akan terdiri daripada hanya guru Cina yang mempunyai kelulusan bahasa Mandarin.

Dengan corak begini, sekolah aliran Cina kelihatan seperti tidak peka kepada aspirasi nasional yang perlu mendukung nasionalisme kebangsaan. Aspirasi ini dianggap dipenuhi dengan hanya mempelajari Bahasa Melayu yang menjadi mata pelajaran wajib. Pembelajaran ini juga didakwa sebagai sudah membolehkan kaum Cina berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Penikiran sebegini bukan saja cetek, tetapi bersifat songsang apabila kecekapan berbahasa Melayu serendah ini, dianggap sebagai memadai untuk penguasaan bahasa negara.

Sehubungan ini wujud sebilangan besar kaum Cina yang tidak mampu berbahasa Melayu dengan bermakna. Hal ini amat dirasai apabila mereka ke hospital kerajaan untuk mendapat rawatan. Khuatir mengenai masalah komunikasi ini yang boleh membawa kepada pemberian rawatan yang salah, kaum Cina yang sepatutnya berusaha mempelajari bahasa Melayu dengan lebih gigih lagi, tidak pun berbuat demikian.

Sebaliknya masalah ini cuba diselesaikan dengan mengajar bahasa Mandarin kepada doktor dan jururawat, yang didapati ghairah sekali mempelajarinya. Ia dikaitkan dengan pembelajaran bahasa sebuah kuasa dunia besar, tanpa

menyadari bahawa mereka sebenarnya dijadikan keldai bahasa. Dalam hal ini, bahasa Mandarin yang menjadi bahasa sukuan dalam Dasar Bahasa Negara, tidak wajib dipelajari, sebaliknya, bahasa Melayu sebagai bahasa negara wajib dikuasai dengan baik oleh semua warga negara.

Dengan penguasaan bahasa negara yang tidak baik dan tiada langsung ini, mereka yang hanya bertutur dan membaca dalam bahasa Mandarin, didapati tidak boleh bergaul dengan baik dan meluas dengan kaum Melayu khususnya, selaku kaum dominan, dan juga dengan yang lain-lain. Ini sudah tentu tidak membantu dalam menjalin hubungan mesra, yang menjadi prasyarat untuk perpaduan kaum.

Dengan adanya 1,293 sekolah rendah Cina, 78 sekolah menengah jenis kebangsaan Cina, 61 sekolah persendirian Cina, dan tiga institusi pengajian tinggi Cina di negara ini, yang semua akan bertambah lagi, ia bukan saja satu fenomena unik. Ia sebenarnya boleh membawa kepada pembentukan satu koloni, yang sudah tentu tidak selari dengan aspirasi nasional.

Tuntutan terkini dalam krisis sekolah Cina agar segera memindah semua guru yang tidak mempunyai kelulusan bahasa Mandarin dari semua sekolah aliran Cina, selain mengadakan kursus Bahasa Mandarin kepada semua guru Cina yang mengajar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, mengesahkan lagi pembentukan koloni yang kuat terbenam dalam bahasa dan budaya Cina.

Dengan etnisiti Cina yang bergerak secara ini, nasionalisme kebangsaan yang didakwa didukung sepenuhnya oleh mereka ini, bukan saja tidak jelas, malah amat mengelirukan.

Penulis ialah Timbalan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM